

NO. SOALAN: 216

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL

RUJUKAN : 9745

SOALAN:

Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peraturan berikutan kematian tahanan di bawah jagaan Jabatan Imigresen, termasuk situasi apabila mayat tidak dituntut. Adakah autopsi dilakukan sebagai prosedur operasi standard Jabatan. Jika tidak, bagaimanakah sebab kematian ditentukan.

JAWAPAN:

Apabila berlaku sesuatu kematian di dalam Depot Tahanan Imigresen (DTI), prosedur seperti terkandung di dalam Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen akan diambil tindakan serta merta oleh pengurusan depot. Antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah melaporkan kematian kepada balai polis terdekat dan Majistret yang bertugas sebagai koroner. Segala tindakan sewaktu siasatan koroner adalah mengikut kepada arahan koroner yang dibantu oleh pakar forensik polis.

Adalah menjadi tanggungjawab pengurusan depot untuk melaporkan kematian tersebut kepada Wisma Putra dan kedutaan asing di mana subjek itu berasal. Jika mayat tidak dituntut oleh waris atau kedutaan asing dalam tempoh 14 hari, pengurusan depot akan menghubungi pihak hospital dan badan kebajikan hospital untuk urusan pengebumian/pembakaran mayat mengikut agama si mati.